



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2022

PUTRAJAYA, 07 APRIL 2022 – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim merasmikan Festival Ramadan Putrajaya 2022 bertempat di Anjung Syawal, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir bersama YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan YBhg. Dato' Fadlun Bin Mak Ujud, Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj).

Bertujuan mengimarahkan bulan Ramadan dengan pengisian-pengisian kerohanian, Festival Ramadan Putrajaya 2022 (FRP2022) turut menjadi alternatif bagi warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya mendapatkan barangan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Disamping itu, penganjuran festival ini adalah untuk menyokong perkembangan dan pemulihan ekonomi Putrajaya supaya dapat berkembang dan pulih.

Pada tahun ini, FRP2022 telah dimulakan 3 hari lebih awal dari tarikh 1 Ramadan iaitu dari 31 Mac sehingga 2 Mei 2022. Beroperasi dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam, FRP2022 akan berlangsung di sekitar Persiaran Perdana Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) dengan sasaran seramai 500 ribu orang pengunjung

FRP2022 dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar. Bagi komponen Bazar Ramadan Putrajaya, terdapat 160 gerai yang menjual juadah berbuka puasa di Bazar Ramadan Putrajaya bermula dari 3.00 petang hingga 8.00 malam bertempat di lot berhampiran MTMZA.

Komponen Anjung Syawal terletak di Dataran Putrajaya menempatkan lebih 135 vendor dalam khemah berhawa dingin terdiri daripada jualan pakaian, keperluan hari raya, butik terkenal dan pelbagai lagi produk-produk jualan dengan penampilan selebriti ternama Malaysia antaranya Noraniza Idris, Azan Scan, Sahbi Saddi, Mim Eva, Lisdawati, Fauzi Nawawi, Emma Akma, Zalif, Zahid AF, Adi Sixth Sense dan Rentap yang turut membuka gerai jualan produk masing-masing.

Di samping jualan barangan turut diadakan pameran, persembahan dan hadiah cabutan bertuah lumayan kepada para pengunjung yang hadir. Bagi komponen Kiblat Walk pula menempatkan 10 penggerai di khemah bagi jualan makanan dan minuman dan barangan kering.

FRP2022 turut mengadakan program-program keagamaan iaitu bicara santai GSP dan bersama Selebriti Dakwah popular Malaysia seperti Ustaz Ahmad Dusuki, Rabbani, Ustaz Abdullah Khairi, Prof. Madya Dato'. Dr Mohd Izhar Ariff, Ustaz Haslin Bahari, Shamsul Ghau-Ghau dan lain-lain.

PPj turut bekerjasama dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin membawakan program Santai Petang@Festival Ramadan Putrajaya pada hari Sabtu petang setiap minggu sementara menunggu waktu berbuka bersama panel jemputan Imam Muda Asyraf, Ustaz Harryanto Rizal Rokman, Imam Muda Hassan dan Ustaz Haslin Baharim.

Selain daripada Bazar Ramadan, pengunjung boleh mendapatkan juadah berbuka di Laman Iftar yang terletak di antara perkarangan Kompleks PPj. Terdapat 16 buah gerai yang menjual pelbagai juadah berbuka dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Pengunjung boleh memilih untuk berbuka puasa dan moreh di Laman Iftar berkonsepkan *outdoor* cafe di Kompleks PPj dan di padang berhadapan Kompleks PPj yang juga lokasi ikonik berbuka santai bersama rakan-rakan dan keluarga.

Kempen kesedaran turut diadakan antaranya Kempen Elakkan Pembaziran Makanan (Beli Apa Yang Perlu Sahaja), Program Pengasingan Sisa Makanan, Program Jom Biodiesel (Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Daripada Bazar Ramadan Putrajaya), Kempen Elakkan Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Kempen Keselamatan Makanan.

DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD
Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 7 April 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.